

# Pencapaian cemerlang

17 SEP 1987

Harian (M)



PENCAK  
SILAT



■ AHMAD KHUSAIRI

PASUKAN silat negara hampir menepati matlamat memenangi empat pingat emas Sukan SEA, tetapi keupayaan memenangi dua pingat emas, tiga perak dan lapan gangsa, boleh disifatkan sebagai pencapaian memberangsangkan.

Pesilat Kelas A negara, Mohamad Rafee Yaakub dan Ahmad Khusairi Ibrahim (Kelas B), menjuarai acara masing-masing.

Sebelum ke Jakarta, Malaysia membayangkan pingat emas boleh diperolehi melalui pemenang pingat gangsa Kejohanan Silat Antarabangsa di Vienna, Austria tahun lalu, Ahmad Fauzi Othman, pesilat terbaik kebangsaan 1986, Ahmad Wardi Salim dan Wan Aminuddin Baki Abu Bakar. Sebaliknya, mereka hanya berupaya memenangi pingat gangsa.

Kegagalan dua pesilat wanita, Siti Anida Mahadi tidak boleh dipertikaikan kerana pelajar tahun pertama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu tidak mendapat kelepasan untuk menjalani latihan.

Begitu juga dengan Siti Azahariah Hussin yang hanya lima bulan membatik diri dalam gelanggang persilatan Gayong Pathani.

Kelemahan itu perlu diatasi segera oleh jurulatih silat kebangsaan, Anuar Wahab, sebelum menghadapi Kejohanan Silat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Disember ini.

Sementara itu, pengurus pasukan, Basiron Haji Hamit memberitahu pencapaian pasukannya mungkin lebih baik kalau mendapat khidmat pakar psikologi untuk membantu pesilat negara.